



MENU PETI MEL

PETI MEL



Peti Mel



Peti Mel

Klik pada butang 'PETI MEL'.

MENU PETI MEL



Di dalam peti mel terdapat **tiga** menu peti mel yang akan diterima oleh pemohon mengikut kategori iaitu **Peringatan, Makluman Dan Surat-surat**.

MEL PERINGATAN



Tarikh Emel : 14 Jan 2019

Tuan/Puan,

WASPADA AKAUN PALSU BANTUAN SARA HIDUP (BSH) 2019

Kementerian Kewangan Malaysia (MnF) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah mengesan akaun Facebook dan Twitter palsu berkaitan pendaftaran Bantuan Sara Hidup (BSH) 2019. Akaun palsu itu dipercayai milik sedikit peripuon terancang yang sedang cuba mencuri data peribadi milik pemohon BSH. Pemohon dinasihatkan supaya berwaspada ketika melayari portal dan web tidak rasmi yang membabitkan BSH 2019. Pemohon boleh dapatkan maklumat yang sahih dan tepat hanya menerusi Portal Rasmi BSH-2019, LHDNM di portal <https://bsh.hasil.gov.my/>

Sekian, terima kasih

Kembali

Contoh mel peringatan.

MEL MAKLUMAN

Tarikh Emel : 14 Jan 2019

Tuan/Puan,

TARIKH PENDAFTARAN PERMOHONAN ATAU KEMAS KINI

Tarikh Pendaftaran permohonan atau kemas kini Bantuan Sara Hidup (BSH) 2019 adalah bermula pada

1 Februari 2019 sehingga 15 Mac 2019

Sekian, terima kasih.

Kembali

Contoh mel makluman.

MEL SURAT-SURAT



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
NO. 5, PERSIARAN PERDANA PRESINT 2
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

No. Rujukan : BK-02WP(1)0/
[1/2019]
No. Pengenalan : XXXXXX
Tarikh : 15/01/2019

XXXXXXXXXXXXXXXXXX

XXXX AMAN DESA SEROJA,
JALAN REKO,
43000 KAJANG,
SELANGOR

Tuan / Puan,

BANTUAN SARA HIDUP (BSH) 2019

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. YB Menteri Kewangan dalam pembentangan Ucapan Belanjawan 2019 telah memaklumkan bahawa Bantuan Sara Hidup (BSH) akan diteruskan dan ditambahbaik bagi tahun 2019.

3. Kerajaan juga telah memutuskan bahawa bayaran BSH 2019 fasa pertama sebanyak RM300 akan disalurkan mengikut mekanisme pembayaran seperti di Lampiran 1 bagi penerima BSH 2018 bagi kategori berikut:

- i. Berkahwin; atau
- ii. Ibu / Bapa Tunggal, Janda, Duda, Balu dan mempunyai tanggungan; atau
- iii. Warga Emas (berumur 60 tahun dan ke atas).

4. Pembayaran fasa seterusnya akan diberikan berdasarkan semakan semula kriteria kelayakan BSH 2019. Untuk makluman tuan / puan, bagi pemohon berstatus Warga Emas (berumur 60 tahun dan ke atas) dan Pedalaman Sabah / Sarawak semasa BSH 2018, tidak perlu membuat permohonan semula. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat perubahan maklumat, tuan / puan dikehendaki untuk mengemaskini maklumat terkini dengan mengemukakan Borang Permohonan BSH 2019 secara dalam talian di laman sesawang rasmi BSH 2019 (<https://bsh.hasil.gov.my>) atau di mana-mana cawangan LHDNM / Pusat Khidmat Hasil LHDNM / Pusat Transformasi Bandar (UTC) LHDNM.

5. Tempoh permohonan BSH 2019 adalah mulai **01 Februari 2019 sehingga 15 Mac 2019**. Sebarang pertanyaan lanjut, tuan / puan boleh menghubungi talian bebas tol LHDNM di 1-800-88-2747 atau Kementerian Kewangan Malaysia di 03-8882 4565 / 4566.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Kementerian Kewangan
Malaysia

Contoh mel surat.